

# **SUKAN MALAYSIA IX, 2002**

## **PERATURAN PERTANDINGAN GIMRAMA**

### **1.0 PERATURAN AM**

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang Permainan **Persekutuan Gimnastik Antarabangsa (FIG) dan Persekutuan Gimnastik Malaysia (MGF)**.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
  - 1.3.1 Semua kejadian diputuskan berasas kepada **PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX, 2002**.
  - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada Undang-Undang Persekutuan Gimnastik Antarabangsa (FIG) dan Persekutuan Gimnastik Malaysia (MGF).
- 1.4 Sebarang keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Gimnastik SUKAN MALAYSIA IX, 2002 adalah muktamad.

### **2.0 TARIKH PERTANDINGAN**

09 Sept hingga 11 Sept, 2002.

### **3.0 TEMPAT PERTANDINGAN**

Dewan Serbaguna **MAKSAK**,  
Kota Kinabalu  
Sabah.

#### 4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan Negeri, Polis DiRaja (PDRM), Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) dan Majlis Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM). Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.
- 4.2 Setiap pasukan Negeri, PDRM, MASUM dan MSSM boleh mendaftarkan satu (1) pasukan wanita sahaja terdiri daripada :

Pengurus Pasukan	1 orang
Jurulatih	1 orang
Pengadil	1 orang
Peserta	4 orang
	-----
JUMLAH	<b>7 orang</b>
	=====

- 4.3 Setiap pasukan jika tidak dapat menghantar satu (1) pasukan, dibenarkan menamakan satu(1) hingga dua(2) peserta bagi menyertai pertandingan individu.

#### 5. KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Hanya peserta yang dilahir pada 1987 hingga tahun 1993 sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua peserta dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya sijil Gred 5 dari Program Klasifikasi Gimrama Kebangsaan yang perlu ditunjuk sebelum peserta itu diterima.
- 5.3 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan dan tiga (3) keping gambar berukuran passport antarabangsa bagi setiap peserta bersama dengan Borang Pendaftaran Peserta. Bagi peserta PDRM kesahihan tarikh lahir hendaklah disahkan oleh Pengerusi/Setiausaha Majlis Sukan PDRM. Peserta yang dipilih daripada anggota Angkatan Tentera Diraja Malaysia hendaklah menggunakan kad pengenalan BAT C 10 sebagai pengenalan rasmi masing-masing. Semua peserta yang menggunakan dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.

- 5.4 Hanya peserta yang didaftarkan dengan Yuran Pendaftaran sebanyak RM20.00 seorang mengikut Peraturan Am Perkara 6.2 sahaja layak menyertai pertandingan ini.
- 5.5 Peserta-peserta gantian yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran/ semasa taklimat Pengurus Pasukan akan dikenakan Yuran Pendaftaran sebanyak RM20.00 seorang. Gantian peserta hanya boleh dilakukan kepada peserta yang telah didaftarkan sebelum tarikh tutup pendaftaran. Semua Yuran Pendaftaran peserta tidak akan dikembalikan.
- 5.6 Tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.7, peserta yang berkhidmat dengan PDRM dan pelajar-pelajar yang sedang menuntut di Pusat Pengajian Tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontinjen/negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan berkenaan.
- 5.7 Seseorang gimnas kebangsaan hanya dibenarkan menyertai seperti mengikut Peraturan Am Perkara 4.6. Gimnas kebangsaan bermaksud gimnas-gimnas yang telah mewakili negara di Sukan Sea XXI, 2001, SEAGCON Gymnastics Championships 2002, Asian Gymnastics Championships 2002 dan 4 Continent Rhythmic Championships, Disember 2001.
- 5.8 Taraf permastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 20.11.
- 5.9 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang mendapat biasiswa/dermasiswa daripada kerajaan negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.

## **6.0 MESYUARAT/TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN**

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta dengan Kad Pengenalan atau Pasport Antarabangsa atau dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya yang asal untuk disahkan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.

- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad. Selepas Taklimat Pengurus Pasukan, sebarang permohonan pertukaran/gantian peserta tidak dibenarkan.

## **7. JENIS PERTANDINGAN**

- 7.1 Jenis pertandingan Gimrama SUKMA IX 2002 adalah seperti berikut :

7.1.1 Pertandingan I : Saringan (QC) dan Pertandingan VI : (Pasukan QC)

- a) Latihan yang dipersembahkan untuk Pertandingan I berdasarkan keperluan peringkat Junior mengikut peraturan F.I.G.(2001), iaitu setiap pasukan mempersembahkan 3 latihan bagi setiap acara dengan jumlah 12 latihan setiap pasukan.
- b) Empat (4) acara akan dipertandingkan, iaitu GELUNG, BOLA , BELANTAN dan RIBEN. Setiap gimnas perlu mencatat 10 'difficulties' maksimum pada borang 'Technical Value' (TV). Lapan 'difficulties' dengan nilai yang tertinggi akan diambilkira untuk jumlah markah Technical Value. Empat 'difficulties' daripada 8 harus dalam kombinasi lima puluh peratus daripada 'difficulties' dengan nilai yang tertinggi mesti dalam kumpulan (Compulsory Body Movement) untuk setiap alat.
- c) Semua ahli gimnas yang berdaftar dikehendaki menyertai Pertandingan I. Setiap pasukan diwakili oleh 3 (tiga) orang gimnas dari setiap negeri.
- d) Gimnas dari pasukan-pasukan yang tidak lengkap (1 atau 2 orang gimnas sahaja) tidak layak untuk pemilihan Pasukan Terbaik, tetapi gimnas ini akan mengambil bahagian dalam Pertandingan I sebagai saringan bagi Pertandingan II dan III.

- e) Setiap gimnas yang ingin dipertimbangkan untuk Pertandingan II dikehendaki mempersembahkan sekurang-kurangnya 3 latihan dalam Pertandingan I.
- f) Setiap gimnas yang ingin dipertimbangkan untuk Pertandingan III dikehendak mempersembahkan acara itu dalam Pertandingan I.
- g) Untuk menentukan Johan Pasukan, jumlah mata 10 latihan TERBAIK dari Pertandingan I diambil kira sebagai keputusan Pertandingan Pasukan. Johan Pasukan adalah pasukan yang memperolehi markah pasukan yang tertinggi dalam Pertandingan I ini

#### 7.1.2 Pertandingan II Individu Keseluruhan (IAAF)

- a) Semua gimnas yang mengambil bahagian di Pertandingan I akan dipertimbangkan untuk Pertandingan II.
- b) 30 gimnas yang terbaik dari Pertandingan I dipilih untuk pertandingan ini. (Maksimum 2 orang dari setiap pasukan)
- c) Empat (4) latihan dengan empat (4) jenis alatan yang ditetapkan akan dipertandingkan. (GELUNG, BOLA BELANTAN dan RIBEN).
- d) Latihan yang dipersembahkan untuk Pertandingan II berdasarkan keperluan peringkat Junior mengikut peraturan F.I.G., 7.1.1 (b).
- e). Untuk menentukan Johan Individu Keseluruhan, jumlah mata yang diperolehi daripada keempat-empat acara yang dipertunjukkan akan diambil kira. Peserta yang mendapat mata yang terbanyak akan menjadi Johan Individu Keseluruhan.

#### 7.1.3 Pertandingan III Kejohanan Alatan (IEF)

- a) Lapan (8) peserta terbaik dari setiap alatan berdasarkan Pertandingan I layak menyertai

Kejohanan Alatan tertakluk kepada dua (2) gimnas maksimum bagi tiap-tiap negeri.

- b) Empat(4) latihan dengan 4 (empat) jenis alatan yang ditetapkan akan dipertandingkan. (GELUNG, BOLA, BELANTAN dan RIBEN)
- c) Latihan yang dipersembahkan berdasarkan keperluan peringkat Junior mengikut peraturan F.I.G Code 2001.
- d) Markah dari Pertandingan III ini sahaja diambilkira bagi menentukan kedudukan.
- e) Peserta yang memperolehi mata tertinggi dalam sesuatu acara Pertandingan III akan menjadi Johan acara berkenaan.

7.1.4 Semua Pengurus Pasukan harus serahkan borang Technical Value dan Artistic Value yang telah dilengkapkan dengan teliti pada penganjur sebelum pertandingan. Sesiapa yang gagal menyerahkan borang tersebut, tidak dapat mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Borang T.V. dan A.V mesti dilengkap dengan betul.

- a) Menggunakan symbol yang tertentu untuk 'difficulties'.
- b) Tulis 'difficulties' mengikut susunan yang telah ditetapkan dalam routine.
- c) Jumlah markahnya mesti dikira dengan betul.

Sesiapa yang gagal lengkapkan borang tersebut dengan betul akan di denda 0.50 oleh 'Assistant Judge' daripada score yang final.

## **8.0 PAKAIAN DAN ALATAN**

- 8.1 Pakaian semua peserta adalah mengikut kehendak Undang-Undang FIG "Code of Points" (Edisi 2001) dan Peraturan Teknikal (Technical Regulations 2001 Edition).

## **9.0 MUZIK**

- 9.1 Muzik adalah wajib. Muzik yang digunakan boleh dimainkan dengan satu alat muzik atau lebih dan ini boleh dimainkan dengan serentak ataupun berasingan. Muzik bagi setiap persembahan hendaklah dirakamkan dengan pita kaset pada permulaan kaset itu.
- 9.2 Satu salinan kaset hendaklah diberi kepada Jawatankuasa Pengelola semasa Taklimat Pengurus Pasukan. butir-butir hendaklah ditulis pada kaset seperti berikut :
  - a) Nama Peserta
  - b) Nama Negeri/Pasukan
  - c) Nombor Peserta
  - d) Acara (Alatan)

## **10.0 STRUKTUR PERTANDINGAN**

- 10.1 Tempat dan masa pertandingan akan ditetapkan oleh pihak jawatankuasa Pertandingan Gimnastik SUKAN MALAYSIA IX, 2002 dan Persekutuan Gimnastik Malaysia.
- 10.2 Pihak Pengelola akan mengirimkan borang masuk sementara kepada semua pasukan. Borang sementara ini hendaklah dikembalikan kepada pengelola empat (4) minggu sebelum pertandingan bermula.

## **11.0 PENGURUSAN PERTANDINGAN DAN PENGADIL**

- 11.1 Pengarah Pertandingan dan Delegat Teknikal akan dilantik oleh Persekutuan Gimnastik Malaysia.
- 11.2 Persatuan Gimnastik Malaysia setelah berunding dengan dan dipersetujui oleh Persekutuan Gimnastik Negeri-Negeri, PDRM dan MASUM akan melantik pengadil-pengadil yang bertauliah untuk bertugas di sepanjang kejohanan. Persekutuan Gimnastik Malaysia berhak melantik pengadil-pengadil tambahan jika difikirkan perlu.
- 11.3 Semua keputusan yang dibuat oleh pengadil-pengadil adalah muktamad.

## **12.0 JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB**

- 12.1 Perlantikan Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib dan prosedur aturcara mesyuarat adalah seperti yang digunakan oleh Persekutuan Gimnastik Malaysia seperti berikut:
  - 12.1.1 Presiden Persekutuan Gimnastik Malaysia atau wakil
  - 12.1.2 Pengarah Pertandingan/Wakil
  - 12.1.3.1 Delegat Teknikal/Wakil
  - 12.1.3.2 Tiga (3) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam bantahan/tatatertib itu.
- 12.2 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak untuk mendapatkan sebarang maklumat dari mana-mana pihak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.
- 12.3 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan daripada Pengadil atau Pegawai Pertandingan dan membuat keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.

## **13.0 BANTAHAN/RAYUAN**

- 13.1 Pengurus-pengurus Pasukan boleh membuat bantahan/rayuan secara bertulis kepada Pengarah Pertandingan setengah (1/2) jam selepas perlawanan itu tamat, disertakan wang cagaran RM200.00 tunai. Wang cagaran itu akan luput jika bantahan/rayuan yang dibuat itu di dapati tidak wajar.
- 13.2 Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Bantahan/Rayuan adalah muktamad.

## **14.0 TAKLIMAT/SEMINAR PENGADIL**

- 14.1 Taklimat Pengadil akan diadakan sebelum pertandingan dijalankan. Semua Pengadil diwajibkan hadir dalam taklimat/seminar tersebut.

## 15.0 MASA DAN TEMPAT LATIHAN

15.1 Pasukan-pasukan boleh membuat latihan harian sehari sebelum jadual perlawanan diadakan. Masa untuk latihan bagi setiap pasukan adalah satu (1) jam sahaja. Jadual dan tempat latihan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Gimnastik SUKAN MALAYSIA IX, 2002.

## 16.0 PELAN PELAKSANAAN (WORKPLAN)

16.1 Pelan pelaksanaan akan diedarkan kepada semua pasukan empat (4) minggu sebelum pertandingan.

## 17.0 HADIAH-HADIAH

17.1 Hadiah-hadiah akan disediakan seperti berikut :

	<b>EMAS</b>	<b>PERAK</b>	<b>GANGSA</b>
Pertandingan I (Berpasukan)	1	1	1
Pertandingan II (Individu Keseluruhan)	1	1	1
Pertandingan III (Kejohanan Alatan)			
Gelung	1	1	1
Bola	1	1	1
Belantan	1	1	1
Ribben	1	1	1
<b>JUMLAH</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>

=====

17.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada Peraturan Tetap 14.3.

Disediakan oleh:-  
Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan  
Sukan Malaysia IX, 2002